

11 MAR 1997

Mahathir-Peruntukan

DR MAHATHIR MINTA WAKIL RAKYAT PROAKTIF ATASI MASALAH SOSIAL

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta wakil rakyat jangan mengambil kesempatan daripada gejala sosial bagi mendesak kerajaan menambah peruntukan kewangan kepada mereka dengan alasan untuk menyediakan kemudahan asas yang kononnya dapat mengatasi masalah yang dihadapi golongan remaja.

Beliau berkata wakil rakyat seharusnya memainkan peranan proaktif bagi mengatasi masalah sosial tanpa meminta tambahan peruntukan kewangan dan sebaliknya memberitahu kerajaan mengenai sebarang kemudahan asas seperti padang bola dan tempat riadah yang perlu disediakan.

"Orang Kedah kata hendak tumpang tui (ambil kesempatan) lah tu. Kita ada masalah sosial, dia minta peruntukan lebih (untuk atasi masalah sosial) bagi wakil rakyat supaya dia lebih popular.

"Apa salahnya kalau kita buat saja padang bola atau apapun dengan tidak payah memberi duit kepada wakil rakyat, budak-budak itu boleh main juga... yang penting bukan beri peruntukan lebih.

"Peruntukan yang lebih cuma mempopularkan wakil rakyat tapi kadang-kadang wakil rakyat pun bukan selalu bagi kemudahan yang diperlukan, dia ada bagi yang lain-lain pun, jadi dia popularlah... tapi masalah sosial tetap jadi juga," katanya semasa sesi dialog pada Taklimat Perdana mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Masalah Sosial di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri dan kira-kira 1,000 orang termasuk anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri daripada BN.

Terdahulu, seorang wakil rakyat meminta supaya kerajaan menambah peruntukan kewangan yang disalurkan kepada wakil rakyat untuk menyediakan kemudahan asas yang kekurangan di kawasan luar bandar sehingga mengakibatkan ramai anak muda membuang masa tanpa aktiviti berfaedah dan terlibat dengan masalah sosial.

Katanya peruntukan sebanyak RM60,000 kepada wakil rakyat tidak mencukupi untuk memastikan kemudahan asas di kampung dapat disediakan.

Dr Mahathir kemudian menjawab : "Kalau tidak cukup kemudahan, beritahulah kerajaan, jadi kalau kerajaan ada duit, ia akan beri kemudahan kepada mereka (anak-anak muda) dan tidak perlu beri duit melalui wakil rakyat (untuk tujuan sediakan kemudahan)."

Katanya program Rakan Muda yang dilaksanakan bertujuan memberikan alternatif kepada anak-anak muda memilih aktiviti yang memberi manfaat kepada mereka.

Beliau berkata kerajaan juga sedang merancang pelbagai aktiviti yang melibatkan anak muda dan memerlukan kemudahan seperti litar lumba bagi mereka berminat dengan perlumbaan, program pasukan berpakaian seragama serta kerahan tenaga lepasan sekolah bagi menyediakan khidmat masyarakat tertentu.

Kerajaan sedang berusaha menyediakan pelbagai kemudahan asas khususnya yang membabitkan program Rakan Muda, katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan wakil rakyat supaya bekerja untuk kepentingan parti dan bukan hanya untuk mendapatkan kepentingan politik.

"Kita hendak parti kita saja yang popular, jadi kerajaan BN akan beri kemudahan. Dan mudah-mudahan bila kerajaan memberi (kemudahan) maka wakil rakyat akan dapat sedikit sebanyak sokongan kerana ini parti wakil rakyat

dan bukannya wakil rakyat sendiri," katanya. -- BERNAMA  
HS MAI